

DYNA B6 TABLET

Pyridoxine hydrochloride (100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna B6 Tablet
2. Bagaimana Dyna B6 Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna B6 Tablet
4. Cara menggunakan Dyna B6 Tablet
5. Semasa menggunakan Dyna B6 Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna B6 Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna B6 Tablet

Digunakan untuk rawatan dan pencegahan tahap kekurangan Pyridoxine.

Bagaimana Dyna B6 Tablet berfungsi

Vitamin B6 atau Pyridoxine memainkan peranan penting di dalam badan. Ia diperlukan untuk mengekalkan kesihatan saraf, kulit dan sel darah merah.

Sebelum menggunakan Dyna B6 Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai masalah-masalah berikut:

- Hipersensitiviti kepada pyridoxine atau bahan lain di dalam produk ini.
- Anda mengetahui mempunyai keradangan pada saraf optik mata.

- Sebelum mula menggunakan Dyna B6 Tablet

Mengandung dan menyusukan anak
Tiada laporan berkaitan kesan-sesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna B6 Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutama levodopa (digunakan untuk penyakit Parkinson).

Cara menggunakan Dyna B6 Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rawatan dan pencegahan kekurangan pyridoxine:
Dewasa, 1 hingga 4 tablet setiap hari dalam dos yang dibahagikan.
Untuk rawatan penyakit keradangan saraf periferal disebabkan oleh terapi isoniazid:
Dewasa, 1 hingga 2 tablet setiap hari.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna B6 Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dyna B6 Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna B6 Tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna B6 Tablet kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Kesan-kesan sampingan

Pyridoxine tidak memberi kesan sampingan jika diambil mengikut dos yang disyorkan. Pengambilan pyridoxine pada jangka masa panjang dengan dos yang tinggi, walaubagaimanapun, dikaitkan dengan perkembangan penyakit saraf periferal yang teruk seperti sakit saraf, kebas dan lemah.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dyna B6 Tablet

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Lindungi daripada cahaya. Simpan di tempat kering di bawah 25°C. Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bulat, tablet berwarna putih dan dwi cembung.

DYNA B6 TABLET

Pyridoxine hydrochloride (100 mg)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Pyridoxine hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose 200 Mesh, Magnesium

Stearate, Corn Starch, PVP K-90

- Nombor MAL

MAL19940414XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/04/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)240418/00118